

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2022, Vol 5, Bil 1, Halaman 1-12

Perkembangan Pengajian *Talaqqī* al-Quran Bersanad di Malaysia: Peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar

The Educational Development of Quranic Sanad Talaqqī in Malaysia: The Role of Dato 'Haji Sallehudin bin Omar

Mohamad Redha Mohamad^{1*}, Muhammad Fairuz A. Adi², & Mohd Ikram Mohd Naw³

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, mohamadredha@kuis.edu.my, 019-3993708.

² Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, fairuz@kuis.edu.my, 013-2081291.

³ Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, bintazim1@gmail.com, 019-3673053.

* Corresponding Author: Mohamad Redha Mohamad. Jabatan Tahfiz al-Quran & al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000, Malaysia, mohamadredha@kuis.edu.my, 019-3993708, ORCID iD: 0000-0002-1760-3700.

ABSTRACT

Ustaz play a very important role in producing today's educated and knowledgeable society. Ustaz that based on religion studies such as akidah, sharia and morality also contribute to the development of human capital which is beneficial to the community in Malaysia. Among the knowledges offered by ustaz is the study of the Quran which aims to enable students to read the Quran well. Some ustaz also offer Quranic Sanad Talaqqī Class to the public on certificate basis. Therefore, the objective of this paper is to examine the roles of one of the Quran figures in educational development of Quranic sanad talaqqī. This study will present the roles of Dato' Haji Sallehudin bin Omar in educational development of Quranic sanad talaqqī in Malaysia. This article focuses on his background and his roles in this field. The method of this study is qualitative while data collection includes primary data such as interview and secondary data from published and internet sources. The results of the study found that Dato' Haji Sallehudin bin Omar played an important role such as the establishment of a Quranic Sanad Talaqqī Center, producing many students who have Quranic chain and recording the names of students in the register book. Quranic Sanad Talaqqī Class needs to be further developed and promoted. Quran figures also play an important role as role models to the ustaz. Furthermore, learning by sanad talaqqī is a sunnah of the Prophet SAW and the qurrā' in every age. Therefore, every ustaz who has Quranic sanad need to work hard in cultivating the Quranic



sanad talaqqī especially in Malaysia. This study is able to give impacts in increasing the interest of Muslims in Malaysia to learn Quran by Quranic Sanad Talaqqī Class.

Keywords

Quran Figure; Dato' Haji Sallehudin Omar; Talaqqī; Sanad; Role

ABSTRAK

Para ustaz memainkan peranan yang sangat penting dalam melahirkan komuniti berpendidikan dan berilmu pada hari ini. Para ustaz yang berlatar belakang pendidikan agama seperti akidah, syariah dan akhlak turut sama menyumbang dalam melahirkan modal insan yang mencurahkan pelbagai sumbangan kepada masyarakat di Malaysia. Antara salah satu ilmu yang dicurahkan oleh para ustaz adalah pengajian al-Quran yang matlamatnya adalah untuk mendidik para pelajarnya supaya dapat membaca al-Quran dengan baik. Sebahagian ustaz menawarkan Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad kepada orang awam secara bersijil. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk mengenalpasti peranan salah seorang tokoh al-Quran dalam perkembangan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad. Kajian ini akan membentangkan peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar terhadap perkembangan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia. Antara kandungan yang dibentangkan adalah latar belakang tokoh dan peranan beliau dalam bidang ini. Kaedah yang digunakan untuk kajian ini ialah kualitatif manakala pengumpulan data merangkumi data primer seperti temu bual dan data sekunder daripada sumber kepustakaan dan internet. Hasil kajian mendapati Dato' Haji Sallehudin bin Omar memainkan peranan yang penting seperti penubuhan pusat *talaqqī* al-Quran bersanad, melahirkan ramai pelajar yang memiliki sanad al-Quran dan merekodkan nama-nama pelajar dalam buku daftar. Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad perlu dikembangkan dan disebarluaskan dengan lebih jauh. Tokoh al-Quran bersanad juga memainkan peranan penting sebagai contoh tauladan kepada para ustaz. Tambahan pula, pembelajaran secara *talaqqī* bersanad adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW dan juga para *qurrā'* pada setiap zaman. Oleh itu, setiap ustaz yang memiliki sanad al-Quran perlu bersungguh-sungguh untuk membudayakan *talaqqī* al-Quran secara bersanad khususnya di Malaysia. Kajian ini mampu memberi impak dalam menaikkan minat umat Islam di Malaysia untuk mempelajari al-Quran melalui Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad.

Kata Kunci

Tokoh al-Quran; Dato' Haji Sallehudin Omar; *Talaqqī*; Sanad; Peranan

1.0 PENDAHULUAN

Ustaz menurut bahasa bermaksud guru agama (Kamus Dewan, 2015). Ustaz adalah istilah yang diguna pakai sebagai panggilan seseorang yang ahli dalam bidang agama (Herniti, 2013). Guru agama boleh dirujuk kepada golongan yang mengajar ilmu agama Islam samada di sekolah, institusi pengajian tinggi, masjid, surau atau di mana-mana sahaja (Abdul Hamid & Kila, 2017). Mereka memberi pengaruh yang besar terhadap perubahan dalam masyarakat. Ustaz menjadi contoh tauladan dalam mendidik dan mendorong pelajar menjadi insan yang taat kepada perintah agama (Abdul Hamid & Kila, 2017). Kemunculan ustaz yang ramai pada masa kini memberi impak positif terhadap perkembangan ilmu agama.



Kebanyakan ustaz memperoleh ilmu agama dari institusi pengajian tinggi sama ada daripada luar negara seperti Timur Tengah atau pun institusi dalam negara. Sebahagian ustaz aktif berdakwah dan menyebarkan ilmu agama telah menjadi salah satu faktor lahirnya masyarakat yang celik ilmu. Antara salah satu pengajian popular yang ditawarkan oleh ramai ustaz adalah pengajian al-Quran yang berjaya mendidik masyarakat untuk membaca al-Quran dengan baik.

Dewasa kini, pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran semakin dititikberatkan di Malaysia (Alias, Mohamad & Ahmad, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqī* surah al-Fatihah, sanad *talaqqī* al-Quran 30 juz dan sanad azan serta iqamah. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan (Alias, Mohamad & Ahmad., 2015). Walaupun begitu, pengkaji mendapati tidak ramai ustaz yang menawarkan Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan sumbangan salah seorang tokoh al-Quran iaitu Dato' Haji Sallehudin bin Omar dalam pembudayaan *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah merupakan kajian kualitatif yang berasaskan instrumen pengumpulan data. Data-data dikumpul melalui metode temu bual dan kepustakaan. Pengkaji telah menemu bual tokoh pada 22 Ogos 2021 melalui telefon dan kemudiannya bertemu empat mata di rumah beliau pada 31 Ogos 2021. Kajian ini turut menggunakan metode kepustakaan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkaitan sebelum dianalisis. Pengkaji telah mengumpul maklumat kajian untuk dianalisis dari jurnal, artikel, kamus dan buku-buku ilmiah yang terdapat di beberapa buah perpustakaan berhampiran seperti Perpustakaan As-Syafie Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia. Selain itu, pengkaji juga mengumpul maklumat kajian dari laman sesawang yang berautoriti sebagai maklumat tambahan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- (1) Menenalpasti latar belakang tokoh al-Quran Malaysia iaitu Dato' Haji Sallehudin bin Omar.
- (2) Menganalisis peranan Dato' Haji Sallehudin bin Omar terhadap perkembangan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia.

4.0 DEFINISI *TALAQQI* AL-QURAN BERSANAD

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan سَنَدٌ yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa, 2010). Dalam istilah ilmu *qirā'āt*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Said & Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnād* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qirā'āt* (al-Jazari, 2002). Manakala Sayyidī (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurrā'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *ṭarīq*, dan wajah daripada sumber utama.



Menurut Zainuddin, Zainuddin & Mohd Isa (2010), *talaqqī* التَّلَقِّي merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar لَقِيَ iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zarqanī (2001) menyatakan *talaqqī* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidī (2000) pula berpandangan *talaqqī* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Zaidar (2014) menyatakan *talaqqī* daripada sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqī* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru. Ada pun dalam konteks kajian ini, kelas *talaqqī* al-Quran bersanad bermaksud kelas pengajian al-Quran secara bersanad yang diajar oleh ustaz-ustaz berkeahlian.

5.0 TUNTUTAN *TALAQQI* AL-QURAN BERSANAD

Tradisi pengambilan sanad *talaqqī* al-Quran perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda membaca al-Quran dengan Jibril AS secara bertalaqqī dan mengulangnya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Hal ini adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA katanya:

كَانَ يَغْرِضُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَرَّةً، فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ.

[al-Bukhārī, *Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān*, Bāb Kāna Jibrīl ya'riḍ al-Qur'ān 'alā al-Nabī..., Nombor hadis 4998]

Maksudnya:

“Telah dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sekali pada setiap tahun, dan dibacakan (Jibril) al-Quran ke atas Nabi SAW sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda.”

Hadis di atas menerangkan kaedah bagaimana Rasulullah SAW mengambil bacaan al-Quran daripada Jibril AS. Al-'Asqalānī (2013) menjelaskan perkataan يَغْرِضُ dalam hadis tersebut bermaksud Jibril bertemu dengan baginda untuk membacakan al-Quran, dan baginda akan mendengarnya. Kemudian baginda pula akan membaca al-Quran dan Jibril mendengarnya. Hadis ini adalah asas dan dalil bahawa al-Quran perlu dipelajari secara berguru bagi memastikan kesahihan pembacaannya. Guru yang berkeahlian dan berkemahiran adalah sebagai penjamin kesahihan setiap bacaan muridnya. Kaedah yang sama juga turut diterapkan oleh para sahabat dan tabiin (Saad, 2013).

Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqī* secara *mushāfahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-'Alaq hinggalah kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-temurun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Hazim, 2012). Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabiin dan sehinggalah sampai kepada



kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda sentiasa memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkhutbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Ghani, 2009). Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۚ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ۚ فَإِذَا قَرَأَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۚ

Maksudnya:

“Janganlah engkau (wahai Muhammad) kerana hendak cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu, menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.”

Berdasarkan surah al-Qiyāmah ayat 16 hingga 18 di atas, Qutb (2018) menyatakan Rasulullah SAW memberi sepenuh perhatian kepada wahyu yang turun dan amat bimbang akan terlupa ayat-ayat al-Quran tersebut. Inilah yang mendorong baginda untuk mengikuti bacaan Malaikat Jibril AS ayat demi ayat dan perkataan demi perkataan agar baginda benar-benar yakin telah mengingat kesemuanya. Begitu juga al-Nasafi (2011) menyatakan ayat 18 bermaksud Jibril membacakan al-Quran kepada baginda, maka baginda mengambil bacaan tersebut sebagaimana yang dibacakan Jibril. Baginda bertalaqqī dan mengambil bacaan al-Quran daripada Malaikat Jibril AS dengan sepenuh perhatian dan fokus. Ayat ini menjelaskan konsep *talaqqī mushāfahah* yg betul, iaitu Rasulullah SAW perlu mendengar terlebih dahulu sehingga Jibril AS selesai membaca, kemudian barulah baginda mengikuti bacaan Jibril AS. Ayat ini menegur baginda SAW agar tidak membaca sebelum Jibril AS selesai membaca.

Ayat al-Quran ini jelas menunjukkan proses pembelajaran al-Quran yang sah adalah secara berguru dan perlu dipelajari dengan sepenuh perhatian dan fokus. Menurut Redha, Zaidar & Alias (2020), terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad *talaqqī* al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad *‘ālī* dan bimbingan yang berterusan. Kesemua ini jelas menunjukkan pengamalan *talaqqī* al-Quran secara bersanad adalah sangat dituntut dan perlu dimasyhurkan di Malaysia.


6.0 LATAR BELAKANG DATO’ HAJI SALLEHUDIN BIN OMAR

Dato’ Haji Sallehudin Omar adalah pelajar generasi pertama Darul Quran JAKIM bersama tujuh rakan beliau yang lain. Beliau lahir di Kuantan, Pahang pada hari Khamis bertarikh 2 Ogos 1945. Beliau merupakan tokoh al-Quran Malaysia dalam bidang *talaqqī* bersanad. Pengkaji berjaya menemu bual beliau pada 22 Ogos 2021 melalui telefon dan kemudiannya bertemu empat mata di rumah beliau pada 31 Ogos 2021. Semua maklumat ini adalah diperolehi dari hasil temu bual pengkaji dan juga artikel berkaitan beliau daripada buku Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Edisi II terbitan Darul Quran JAKIM. Maklumat tambahan juga diperolehi dari artikel Sumbangan Dato’ Sallehudin bin Omar dalam Pendidikan al-Quran di Malaysia (2021) yang diterbitkan dalam *Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah*.



Gambar 1: Penulis bersama Dato' Haji Sallehudin Omar selepas sesi temu bual

Keterlibatan beliau dalam bidang tahfiz bermula pada tahun 1965 hingga 1968 apabila beliau mengikuti Kelas Tahfiz al-Quran di Masjid Negara. Beliau dibimbing oleh Datuk Haji Mohd. Noor bin Haji Ibrahim yang merupakan Mufti Negeri Kelantan pada ketika itu. Setelah itu, guru beliau diganti oleh al-Shaykh Dr. al-Sayyid 'Alī Maḥfūz untuk tahun 1968 hingga 1969. Setelah berjaya menamatkan pengajian Kelas Tahfiz al-Quran di Masjid Negara, beliau menyambung pengajian di Maahad Qiraat al-Azhar, Mesir dalam bidang Takhassus al-Qiraat. Sepanjang pengajian di Mesir tahun 1970 hingga 1976, beliau belajar dan bertalaqqī al-Quran bersama dengan beberapa orang guru iaitu al-Shaykh Mutawallī bin 'Abd Allah al-Qafā'ī, al-Shaykh Sulaimān bin Imām al-Ṣaghīr dan al-Shaykh Ibrāhīm bin 'Aṭwah 'Iwaḍ bin Ibrāhīm (Omar, 2021). Beliau berjaya memperolehi ijazah sanad *talaqqī* al-Quran *Qirā'āt Sab'ah*.





Gambar 2: Buku sanad *Qirā'āt Sab'ah Dato' Haji Sallehudin Omar*

Sekembali beliau ke tanah air pada tahun 1977, beliau dilantik sebagai Qadi daerah Maran pada tahun 1977 hingga 1980. Pada tahun 1980, beliau menjawat jawatan Pengetua Institut Tahfiz al-Quran di Pusat Islam Kuala Lumpur sehingga tahun 1993. Seterusnya beliau mendapat tawaran untuk berkhidmat di Brunei dalam bidang tahfiz selama enam tahun iaitu pada 1993 hingga 1999 sebagai pengetua pertama Institut Tahfiz Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Setelah menamatkan perkhidmatan di Brunei dan kembali ke Malaysia, beliau menubuhkan pusat pengajian al-Quran persendirian yang dinamakan Pusat Pengajian Kemahiran al-Quran Ulung Gemilang (Omar, 2021). Selain itu, beliau kini memegang jawatan sebagai Pengerusi Lajnah Tashih al-Quran, Kementerian Dalam Negeri.

Sebagai insan hebat yang fokus terhadap bidang *talaqqī* al-Quran bersanad, beliau telah menunjukkan contoh terbaik kepada guru al-Quran yang lain. Beliau juga merupakan tulang belakang penubuhan Lajnah Tashih al-Quran KDN dan Darul Quran JAKIM (Mohamad, Ariffin & Zakaria, 2021). Sebagai tambahan, beliau juga terlibat sebagai Hakim Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan, Hakim Majlis Hafazan al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Hakim Majlis Tilawah dan Hafazan al-Quran Peringkat Antarabangsa. Hasil sumbangan dan khidmat bakti beliau terhadap negara dan masyarakat telah melayakkan beliau untuk menerima pelbagai anugerah seperti Pingat Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Pahang (A.M.P.) pada tahun 1985 dan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia, Peringkat Kedua Darjah Indera Mahkota Pahang (D.I.M.P.) yang membawa gelaran Dato' pada 5 Februari 2007. Beliau sewajarnya dijadikan ikutan dan contoh tauladan para guru al-Quran khususnya di Malaysia.



Gambar 3: Istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia

7.0 PERANAN DATO' HAJI SALLEHUDIN BIN OMAR TERHADAP PERKEMBANGAN *TALAQQI* AL-QURAN BERSANAD

Para ustaz memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat yang celik ilmu al-Quran. Ramai ustaz yang memiliki ijazah sanad al-Quran yang diperolehi semasa belajar di luar negara terutamanya Mesir. Namun, tidak ramai daripada kalangan mereka yang menawarkan kelas *talaqqī* al-Quran bersanad setelah kembali ke tanah air walau pun ia semakin menjadi fenomena pada masa kini.




Manakala sebahagian daripada mereka ada yang berkhidmat dalam bidang ini sama ada secara individu atau pun bernaung di bawah pusat-pusat pengajian. Penawaran yang diberikan adalah sejajar dengan keperluan semasa masyarakat Islam di Malaysia yang memerlukan bimbingan dari guru-guru al-Quran bersanad dan berkeahlian. Dato' Haji Sallehudin Omar merupakan pelopor dalam bidang ini. Berikut adalah peranan beliau dalam perkembangan pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia:

- i) Penubuhan pusat *talaqqi* al-Quran bersanad
- ii) Melahirkan ramai pelajar yang memiliki sanad al-Quran
- iii) Merekodkan nama-nama pelajar dalam buku daftar

7.1 Penubuhan Pusat Talaqqi al-Quran Bersanad

Dato' Haji Sallehudin Omar telah menubuhkan Pusat Pengajian Kemahiran al-Quran Ulung Gemilang sejak 1999 dan masih bergerak aktif sehingga ke hari ini. Boleh dikatakan beliau adalah pelopor kepada penubuhan pusat *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia. Beliau akan menyemak bacaan al-Quran pelajar bemula jam tujuh pagi hingga empat petang pada setiap hari (Omar, 2021). Dalam keadaan pandemik Covid-19 kini, beliau tetap meneruskan pengajian dengan melaksanakannya secara atas talian. Setiap pelajar beliau yang khatam *talaqqi* akan dianugerahkan sijil sebagai bukti dan tanda akuan (Omar, 2021).



Gambar 4: Sijil sanad *talaqqi* al-Quran Dato' Haji Sallehudin Omar kepada pelajar beliau

Kini, pusat pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad semakin bertambah bilangannya di Malaysia. Sebagai contoh REHAL di Kota Damansara, al-Baghdadi Group Sdn. Bhd. di Batu Caves, UMN Resources di Klang, El-Khozandaroh Learning Centre di Kajang, Akademi Al-Quran Bandar Raya Islam di Kota Bharu dan Rumah Talaqqi al-Quran Johor di Skudai. Ini membuktikan pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad semakin subur dan berkembang di seluruh Malaysia.



7.2 Melahirkan Ramai Pelajar yang Memiliki Sanad al-Quran

Dato' Haji Sallehudin Omar mengajar *Qirā'āt Sab'ah* kepada masyarakat, bukan hanya sekadar riwayat Ḥafṣ sahaja (Omar, 2021). Beliau seorang yang tegas semasa mengajar. Pelajar mestilah membaca secara individu, bertajwid dan mengambil beberapa riwayat dari beliau. Beliau juga menyatakan sesiapa yang memiliki sanad al-Quran tetapi tidak menyebarkan adalah satu kerugian (Omar, 2021). Beliau telah melahirkan ramai anak murid hebat yang turut mengajar al-Quran kepada masyarakat. Murid-murid beliau yang berkelayakan akan dianugerahkan sijil sanad al-Quran sebagai pengiktirafan. Salah seorang murid beliau bernama Ustazah Latifah binti Taib turut sama mengikuti jejak langkah beliau dengan menubuhkan pusat pengajian al-Quran QQ Gemilang bertempat di Bandar Baru Bangi, Selangor (<http://qqgemilang.blogspot.com/p/info.html>).

JENIS PENGAJIAN

1. Pengajian Al-Quran bersanad
"satu guru, satu pelajar"
(Asas/Tahsin/Qiraat 10)
2. Bengkel Tajwid
3. Bahasa Arab untuk Ibadah
4. Pengajian Berkitab
- Tauhid
- Tasawwuf
- Pemantapan Aqidah
- Fiqh
5. Kuliah Umum

HUBUNGI

Whatsapp
011-5689 3877

Pejabat
03 - 89 200 877

qq.gemilang@gmail.com
qqgemilang.blogspot.com
QQ Gemilang

ALAMAT
D-12-3, Plaza Paragon Point, Jalan Medan PB 5,
Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

qq.gemilang
QQ Gemilang Pusat Pengajian
Al-Quran & Qiraat

Gambar 5: Iklan pengajian di QQ Gemilang

Tidak terhad hanya di Malaysia sahaja, beliau turut menyebarkan ilmu bacaan al-Quran di luar negara. Sejak tahun 2000, beliau bersama beberapa orang sahabat baiknya iaitu Tan Sri Hasan Azhari, Dato' Mohammad Hasri dan Ustaz Abdul Malik telah diundang sebagai guru al-Quran di Singapura bertempat di Masjid Singlap (Mohamad, Ariffin & Zakaria, 2021). Mereka akan pergi ke Singapura setiap dua minggu bagi memenuhi jemputan sebagai guru *talaqqī* al-Quran. Kaedah pembelajaran yang digunakan adalah *talaqqī* secara *mushāfahah* dari surah al-Fātiḥah hingga surah al-Nās. Semasa musim pandemik Covid-19, kelas al-Quran Masjid Singlap masih diteruskan secara atas talian (Mohamad, Ariffin & Zakaria, 2021).

7.3 Merekodkan Nama-nama Pelajar dalam Buku Daftar

Amalan merekodkan nama-nama pelajar yang telah membaca al-Quran di hadapan guru merupakan satu kemestian. Ia merupakan amalan para *qurrā'* bagi tujuan rekod dan dokumentasi. Buku daftar pelajar amat penting sebagai rekod dan bukti pelajar pernah bertemu guru dan membaca di hadapannya. Telah berkata Syeikh Ḥasan Muṣṭafā al-Warrāqī (2008):

"Dan afḍhalnya guru mempunyai buku khas untuk ditulis nama-nama pelajar yang telah khatam al-Quran ke atas beliau. Dan ditulis tarikh khatam, riwayat yang dibaca, alamat pelajar, nombor telefon pelajar, dan memperkenalkan semua pelajar-pelajar kepada anak-anak guru, kerana perkara ini dapat mengelakkan tadrīs atau selainnya..."


Dato' Haji Sallehudin Omar telah melakukan perkara ini sejak awal lagi. Beliau akan menulis setiap nama pelajar yang membaca al-Quran di hadapannya. Kebaikan perkara ini adalah supaya semua pelajar akan lengkap membaca dari awal hingga akhir al-Quran tanpa tertinggal satu ayat pun. Setiap guru al-Quran



perlu mencontohi amalan ini supaya dapat menambah kepercayaan masyarakat terhadap pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad.



Gambar 6: Buku daftar pelajar Dato' Haji Sallehudin Omar (1)



Gambar 7: Buku daftar pelajar Dato' Haji Sallehudin Omar (2)

8.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengkaji telah memperkenalkan seorang tokoh al-Quran Malaysia iaitu Dato' Haji Sallehudin bin Omar. Peranan beliau dalam bidang pendidikan al-Quran perlu diberi penghormatan dan pengiktirafan. Ramai tokoh-tokoh al-Quran yang lahir hasil daripada kesungguhan beliau dalam bidang ini. Beliau merupakan contoh individu yang memainkan peranan penting dalam perkembangan pengajian *talaqqī* al-Quran bersanad di Malaysia. Antara peranan beliau adalah penubuhan pusat *talaqqī* al-Quran bersanad, melahirkan ramai pelajar yang memiliki sanad al-Quran dan merekodkan nama-nama pelajar dalam buku daftar. Kini, pengajian *talaqqī* al-Quran secara bersanad semakin meluas dan berkembang maju.

Pembelajaran al-Quran perlu ditambah baik daripada pelbagai sudut. Sebelum ini, pembelajaran al-Quran mungkin hanya dijalankan dengan melihat kepada asas-asas tajwid sahaja. Namun dengan perkembangan ilmu al-Quran pada masa kini, sewajarnya setiap ustaz atau guru al-Quran memainkan peranan penting



untuk mewujudkan Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad sama ada secara persendirian atau pun bernaung di bawah pusat-pusat pengajian. Pembudayaan *talaqqī* al-Quran bersanad ini akan meningkatkan martabat al-Quran di mata dunia di samping menambah rasa kecintaan umat Islam terhadap kitab suci al-Quran. Pengkaji berpendapat Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad perlu dikembangkan dan disebarluaskan. Perbincangan dalam kajian ini boleh digunakan oleh mana-mana individu berkeahlian sebagai batu loncatan untuk memulakan kelas ini atau pun untuk menambahbaik kelas yang sedia ada. Semua ustaz perlu memainkan peranan untuk membudayakan *talaqqī* al-Quran bersanad di samping menarik minat masyarakat Malaysia untuk membaca al-Quran. Kajian ini mampu memberi impak dalam menaikkan minat umat Islam di Malaysia untuk mempelajari al-Quran melalui Kelas *Talaqqī* al-Quran Bersanad

RUJUKAN

- al-‘Asqalānī, I. H. (2013). *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Mesir: Dar al-Risāla al-‘Alamīyya.
- Abd Ghani, A. R. (2009). Pemeliharaan Al-Quran: Kajian di Unit Kawalan Teks al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Malaysia.
- Abdul Hamid, S. & Kila, N. A. (2017). Pembentukan Personaliti Guru Agama Sebagai *Role Model* dalam Masyarakat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 2 (6). 254-263.
- Alias, N., Mohamad, K. A. & Ahmad, A. M. (2015). Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafs ‘An ‘Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. E-Prosiding: Seminar Wahyu Asas Tamadun IV Peringkat Antarabangsa. Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Diakses dari: <https://smk.ukm.my/erep/fail3.cfm?komp=TPP2015640>.
- Hazim, W. M. (2012). Al-Quran dan Talaqqi Mushafahah. Kuala Terengganu: Makalah Dakwah Masjid Abidin.
- Herniti, E. (2013). Pergeseran Makna Ustaz pada Ustaz Selebritas (Kajian Sosiosemantis). Bab dalam Buku: Merangkai Ilmu-ilmu Keadaban. 139-159. Diakses dari https://www.researchgate.net/publication/329336447_Pergeseran_Makna_Ustaz_pada_Ustaz_Selebritas_Kajian_Sosiosemantis (Diakses pada 20 Mei 2022).
- al-Jazarī, I. (2002). *Tayyiba al-Nashr fī Qirā’āt al-‘Ashr*. Kaherah: Maktabat al-Sunna.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Majidi. (2000). *Talaqqī al-Nabī SAW Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Muassasa al-Risāla.
- Mohamad, K. A., Ariffin, S. & Zakaria, M. Z. (2021). Sumbangan Dato’ Sallehudin bin Omar dalam Pendidikan al-Quran di Malaysia. *Journal of Ma’alim al-Quran wa al-Sunnah*. 17(2). https://www.researchgate.net/publication/356726825_SUMBANGAN_DATO'_SALLEHUDIN_BIN_OMAR_DALAM PENDIDIKAN AL-QURAN DI MALAYSIA
- Muṣṭafā, H. (2008). *Al-Ijāzāt wa al-Asānīd al-Qur’ānīyyah: Su’āl wa Jawāb*. Mesir: Dār Āli Yāsir.
- al-Nasafī. (2011). *Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqāiq al-Ta’wīl*. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- Omar, S. (30 Ogos 2021). Konsep *Talaqqī* al-Quran Bersanad (Temu bual).
- Qutb, S. (2008). *Fī Zīlāl al-Qur’ān*. Mesir: Dar al-Shuruq.
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Aplikasi al-Taḥammul wa al-Adā’ dalam Kalangan Qurra’ dan Kepentingannya. *Jurnal al-Irsyad*. 5(2). <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/132/74>
- Redha, M., Zaidar, F. & Alias, N. (2020). Relevansi Pewarisan Sanad Talaqqi Al-Quran. *Jurnal al-Turath*. 5(1). <http://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/108>
- Saad, A. (2013). *Asānīd al-Qirā’āt wa Manhaj al-Qurra’ fī Dirāsatiḥā*. Riyad: Maktaba al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah.



- Said, K. & Adam, J. (2011). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *International Journal on Quranic Research*. 1(1).
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283/3078>
- Sayyidi, M. (2004). *Al-Isnād 'inda 'Ulamā' al-Qirā'āt*. Madinah al-Munawwarah: Majalla al-Jāmi'a al-Islamīyya.
- Zaidar, F. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Zainuddin, K., Zainuddin, N. & Mohd Isa, M. F. (2010). *Kamus Pelajar*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- al-Zarqanī. (2001). *Manāḥil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Hadīth.